**JABATAN TENAGA KERJA SARAWAK,**
***DEPARTMENT OF LABOUR SARAWAK***
**(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**
TKT. 13, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
PETI SURAT 1383,
93532 KUCHING.

Telefon : 082-242261
082-414062
Faks : 082-244809
082-237051
Email : [illegible]@mohr.gov.my

374/17/03 39

RECEIVED
09 FEB 2009
SARAWAK TIMBER ASSOCIATION

**Ruj. Tuan :**

**Ruj. Kami :** JTKSWK-VB-4-1(103)

**Tarikh :** 19 Januari 2009

**Lihat Senarai Agihan**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN BERKENAAN AKTIVITI LATIHAN DAN PERTUGASAN ANGKATAN SUKARELA YANG BERKAITAN SEKSYEN 201B DAN 201C, AKTA ANGKATAN TENTERA 1972 (PINDAAN 2005)**

Dengan segala hormatnya perkara tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa hasil daripada perbincangan Kementerian Pertahanan dengan wakil-wakil majikan/persatuan majikan sektor awam dan swasta pada 9 September 2005 dan 16 Januari 2006 maka telah dipersetujui bahawa Prosedur Notis Pemberitahuan kepada majikan dan pekerja yang terlibat oleh pihak pasukan Angkatan Sukarela, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan dilaksanakan berkuatkuasa 14 April 2006. Langkah ini adalah sejajar dengan kewujudan Seksyen 201B dan 201C, Akta Angkatan Tentera 1972 (Pindaan 2005) yang telah diwartakan pada 16 Jun 2005.

3. Maklumat terperinci mengenai pelaksanaan *"administrative procedure"* tersebut adalah sepertimana taklimat lisan dan nota bertulis yang diedarkan kepada peserta forum Majlis Perjumpaan Kali Ke - 2 pada 16 Januari 2006. Carta Aliran Prosedur Pemberitahuan Majikan dan Pekerja Mengenai Latihan dan Pertugasan Anggota Angkatan Sukarela seperti di **Lampiran A**. Cabutan Seksyen 201B dan 201C, Akta Angkatan Tentera 1972 (Pindaan 2005) adalah seperti di **Lampiran B**. Contoh surat panggilan untuk menghadiri latihan tersebut adalah seperti di **Lampiran C**.

4. Oleh yang demikian sukacita sekiranya pihak tuan dapat memaklumkan ahli-ahli tuan berkenaan dengan aktiviti ini supaya surat pelepasan dapat dikeluarkan oleh majikan mereka kepada pekerja.

5. Sehubungan dengan itu, oleh kerana kehadiran untuk latihan ini adalah kehendak undang-undang, maka mana-mana pekerja yang menghadiri aktiviti ini adalah layak dibayar gaji seperti biasa dan cuti tahunan tidak dipotong.

Sekian. Terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**
***' Pekerja Inovatif Negara Kompetitif '***

Saya yang menurut perintah,

**(HAJI MOHD. ZUBIR BIN MOHD. BASRI)**
Pengarah Tenaga Kerja,
Sarawak

NH/dkb

# LAMPIRAN A

Kembaran A

**CARTA ALIRAN**
**PROSEDUR PEMBERITAHUAN MAJIKAN DAN PEKERJA MENGENAI LATIHAN ATAU PERTUGASAN ANGGOTA SUKARELA**



# LAMPIRAN B

# LAWS OF MALAYSIA

Act A1243

ARMED FORCES (AMENDMENT) ACT 2005

Date of Royal Assent ... ... 9 June 2005

Date of publication in the *Gazette* ... ... ... 16 June 2005

Publisher's Copyright ©
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Appointed Printer to the Government of Malaysia).

LAWS OF MALAYSIA

Act A1242

# ARMED FORCES (AMENDMENT) ACT 2005

An Act to amend the Armed Forces Act 1972.

[ ]

ENACTED by the Parliament of Malaysia as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Act may be cited as the Armed Forces (Amendment) Act 2005.

(2) This Act comes into operation on a date to be appointed by the Minister by notification in the *Gazette*.

---

New sections 201B and 201C

3. The principal Act is amended by inserting after section 201A the following sections:

"Leave for training or attachment

201B. (1) Without prejudice to the provisions of the National Service Act 1952, every employer shall, if any person in his employment who is a member of a volunteer force is called up for training or attachment under this Act, grant such person leave for the duration of the period of such training or attachment to enable him to undergo the training or attachment.

(2) No employer shall—

*(a)* make or cause to be made any undue transfer or deduction from the pay, other remuneration or annual leave of such person;

*(b)* impose or cause to be imposed upon or exact from such person any penalty; or

*(c)* change the terms and conditions of the employment of such person to his prejudice,

solely by reason of his absence from work during the period of training or attachment.

(3) Any employer who—

(*a*) directly or indirectly refuses or, by intimidation, undue influence or in any other manner, interferes with the granting to any person of the period of leave required under subsection (1); or

(*b*) contravenes subsection (2),

commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding six thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(4) The civil court by which an employer is convicted of an offence under subsection (3) for the contravention of subsection (2) may order the employer to pay to the person referred to in subsection (2) the pay and other remuneration to which that person is entitled during the period of training or attachment.

**Prohibition of dismissal of employees by reason of training or attachment**

**201C.** (1) Without prejudice to the provisions of the National Service Act 1952, every employer who terminates the employment of any person in his employment, who is a member of a volunteer force, without the consent of such person solely or mainly by reason of the person being called up for training or attachment under this Act commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding six thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding six months or to both.

(2) The civil court by which an employer is convicted under subsection (1) may order the employer to pay to the person whose employment is terminated, as compensation for any loss suffered or likely to be suffered by him by reason of the termination, a sum not exceeding an amount equal to six months' remuneration at the rate at which the remuneration was last payable to that person by the employer."

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

# LAMPIRAN C

**NOTIS PANGGILAN** **CONTOH**

# REJIMEN ASKAR WATANIAH (AW)
# TENTERA DARAT MALAYSIA

Rejimen 512 Askar Wataniah
Kem Padang Midin
Jalan Kuala Berang
21400 KUALA TERENGGANU

Rujuk : BN1/512/G8/1/596
Tel : 09-6229644
Faks : 09-6227346
Tarikh : Mei 2005

Kepada;

**Pengarah**
**Jabatan Perangkaan Negeri Terengganu**
**Tingkat 9, Wisma Persekutuan**
**Jalan Sultan Ismail**
**20200 KUALA TERENGGANU**

**NOTIS PANGGILAN PEGAWAI / ANGGOTA SUKARELA UNTUK MENGHADIRI LATIHAN / PERTUGASAN**
**NAMA : LT M RAJA MOHD SHAHRIL BIN RAJA HARIS (541172)**
*(Nyatakan. Senarai nama seperti di Lampiran A, sekiranya pegawai/ anggota lebih dari seorang)*

---

1. Adalah disahkan bahawa butir-butir mengenai aktiviti latihan / pertugasan akan dilaksanakan oleh pasukan ini sepertimana di bawah:

a. Jenis Latihan / Pertugasan : **Kem Latihan Tahunan Siri 2/2005**

b. Tarikh : **16 Jun hingga 30 Jun 2005**

c. Tempat Latihan / Pertugasan : **Kemaman, Terengganu**

2. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki memberi Pelepasan / * Cuti Tanpa Rekod bagi pegawai / anggota di atas atau senarai di Lampiran, untuk mengikuti latihan / pertugasan seperti yang dinyatakan

3. Sila ambil perhatian bahawa keengganan atau kegagalan pihak tuan dalam memberi pelepasan merupakan suatu kesalahan di bawah Seksyen 201B, Akta Angkatan Tentera 1972 (Pindaan 2005)

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas.

**KHAZALI BIN DARUS**
Lt Kol
Timbalan Komander

Salinan Kepada:

**Lt M Raja Mohd Shahril bin Raja Haris (541172)** - *beserta alamat lengkap*

* *Potong yang mana tidak berkenaan*

**NOTIS PEMBERITAHUAN**

**CONTOH A1**

# REJIMEN ASKAR WATANIAH (AW)
# TENTERA DARAT MALAYSIA

Rejimen 512 Askar Wataniah
Kem Padang Midin
Jalan Kuala Berang
21400 KUALA TERENGGANU

Rujuk : BN1/512/G8/1/596
Tel : 09- 6229644
Faks : 09- 6227346
Tarikh : Januari 2006

Kepada ;

**Pengarah**
**Jabatan Perangkaan Negeri Terengganu**
**Tingkat 9, Wisma Persekutuan**
**Jalan Sultan Ismail**
**20200 KUALA TERENGGANU**

**NOTIS PEMBERITAHUAN PEGAWAI / ANGGOTA ANGKATAN SUKARELA**
**UNTUK MENGHADIRI LATIHAN / PERTUGASAN**
**NAMA : LTM RAJA MOHD SHARIL BIN RAJA HARIS (541172)**
*(Nyatakan: Senarai nama seperti di Lampiran A, sekiranya pegawai/ anggota lebih dari seorang)*

---

Rujuk:
A. Akta Angkatan Tentera Malaysia 1972 (Pindaan 2005), Seksyen 201B dan 201C.

1. Adalah dimaklumkan kepada pihak tuan bahawa Pegawai / Anggota tersebut di atas / *atau senarai di Lampiran adalah anggota sukarelawan / sukarelawati dari pasukan ini yang berkhidmat di jabatan / syarikat tuan.

2. Sebagai memenuhi kehendak-kehendak perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pasukan ini telah merancang untuk Pegawai / Anggota di atas menghadiri aktiviti *latihan / kursus kerjaya / kursus fungsional seperti dinyatakan di bawah:-

a. Jenis *Latihan / Kursus : **Latihan Kem Tahunan Siri 1/2005**
b. Tarikh : **16 Jun hingga 30 Jun 2005**
c. Tempat *Latihan / Kursus: **Kemaman, Terengganu**

3. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki memberikan Pelepasan / * Cuti Tanpa Rekod kepada Pegawai / Anggota berkenaan *di atas/ atau di Lampiran sejajar dengan Rujuk A pada tarikh latihan tersebut. Sebarang rayuan penangguhan hendaklah dimajukan ke pasukan dengan menggunakan borang seperti di Kembaran A.

4. Sila kembalikan *surat pengesahan majikan / rayuan penangguhan seperti yang disertakan di Kembaran A dalam tempoh 30 hari dari tarikh surat ini diterima. Jika tiada jawapan dalam masa 30 hari, majikan dianggap telah bersetuju memberi pelepasan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

KHAZALI BIN ABDULLAH
Lt Kol
Timbalan Komander

Salinan Kepada.
**Lt M Raja Mohd Shahril bin Raja Haris (541172)** - *beserta alamat lengkap*

* *Potong yang mana tidak berkenaan*